



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**PUAN NORIHAN BINTI MOHAMED NAIM
SETIAUSAHA BAHAGIAN KANAN (PENGURUSAN)
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**PROGRAM JEJAK HARMONI
PERINGKAT NEGERI SARAWAK TAHUN 2024**

**3 OGOS 2024
BAHAGIAN MIRI**



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

Saya ingin menyampaikan salam YB Menteri Perpaduan Negara kepada semua yang hadir pada hari ini.

SALUTASI

**Salutasi terkini disediakan secara berasingan*

PENDAHULUAN

1. Pertamanya marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran kehadiran illahi, kerana kita semua diberi peluang untuk berkumpul pada hari ini dalam **Program Jejak Harmoni Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2024 di Bahagian Miri.**
2. Saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada pemimpin-pemimpin rumah ibadat dan para penganutnya yang terlibat dalam program Jejak Harmoni Peringkat Negeri Sarawak sebentar tadi iaitu:
 - (i) **Masjid An-Naim;**
 - (ii) **The Good Shepherd Church;**
 - (iii) **Life Methodist Church, dan**
 - (iv) **Some Shak Lung Kung Temple**

3. Kita telah bermula seawal pagi tadi dengan mengayuh basikal bersama-sama menziarahi dan berkenal-kenalan dengan sahabat-sahabat kita yang berlainan etnik dan agama sebagai simbolik kesatuan dan kebersamaan.
4. Terima kasih di atas sokongan ini dan saya berharap semua pemimpin agama dapat memberikan sokongan yang berterusan dan sentiasa memberikan kerjasama baik dalam memastikan keharmonian dan perpaduan masyarakat kita sentiasa terpelihara.

INISIATIF HARMONI MADANI

Hadirin yang dimuliakan sekalian,

5. Program hari ini adalah salah satu daripada program **Flagship Kementerian Perpaduan Negara** di bawah **Inisiatif Harmoni MADANI** yang bertujuan memperkukuhkan keharmonian masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan berbeza anutan agama serta kepercayaan agar dapat terus hidup dalam landskap sosial yang lebih harmoni.
6. Pelaksanaan Inisiatif Harmoni Madani mengetengahkan konsep asas integrasi nasional iaitu **Faham, Hormat dan Terima** bagi memastikan budaya keharmonian antara masyarakat sentiasa terpelihara. Inisiatif HARMONI MADANI ini bertujuan untuk:
 - i. Meningkatkan kefahaman mengenai kepelbagaian agama, budaya dan adat resam bagi memperkukuhkan hubungan kebersamaan dan keharmonian negara.
 - ii. Membudayakan amalan menyebarkan mesej keharmonian dan muhibah antara penganut pelbagai agama di Malaysia.

7. Inisiatif HARMONI MADANI mengetengahkan **lapan (8) program utama** yang telah dilaksanakan **bermula Februari 2024 sehingga November 2024**. Program-program ini akan melibatkan pelaksanaan di peringkat antarabangsa dan kebangsaan yang turut disemarakkan sehingga ke peringkat negeri.
8. Program utama tersebut adalah:
 - i. Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia (World Interfaith Harmoni Week);
 - ii. Podcast Bicara Harmoni;
 - iii. Interfaith Dialogue atau Dialog Harmoni;
 - iv. Iftar MADANI;
 - v. Dokumentari Jejak Harmoni;
 - vi. Jejak Harmoni;
 - vii. Wacana Memupuk Perpaduan Dalam Kalangan Penganut Pelbagai Agama; dan
 - viii. Sambutan Hari Toleransi Sedunia

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Kerajaan sememangnya memainkan peranan penting dalam menggubal dasar yang bersesuaian untuk memastikan perpaduan masyarakat Malaysia sentiasa berada pada tahap yang terkawal. Namun apa yang penting usaha yang digerakkan kerajaan di sambut baik oleh setiap lapisan masyarakat sekaligus memainkan peranan bersama merealisasikan agenda perpaduan yang telah ditetapkan.

Tanpa sokongan dan komitmen daripada kita semua, sudah pasti dasar dan agenda Kerajaan tidak dapat dicapai dengan sempurna.

10. Oleh itu, adalah penting untuk kita semua menerapkan dan menyebarkan konsep faham, hormat dan terima dalam masyarakat bagi memastikan keharmonian dan perpaduan ini kekal selamanya menjadi milik kita semua.
11. Akhir kata sekali lagi saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada penganjur iaitu JPNIN Negeri Sarawak dengan kerjasama Masjid An-Naim, The Good Shepherd Church, Life Methodist Church dan Bodhisattva Buddhist Association serta yang terlibat secara langsung mahupun yang tidak langsung dalam menjayakan program hari ini.

Sekian, terima kasih.